



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

UNIT KHIDMAT NASIHAT PERNIAGAAN

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA



FUNGSI UNIT KHIDMAT NASIHAT PERNIAGAAN SSM



Unit ini bertanggungjawab untuk menyediakan khidmat nasihat perniagaan yang berkualiti dan holistik dengan memberikan maklumat terkini berkaitan persediaan penubuhan entiti perniagaan di bawah SSM dan maklumat lain daripada agensi-agensi yang berkaitan di Malaysia.

KELEBIHAN MENDAFTAR DENGAN SSM



Menjamin dan melindungi reputasi perniagaan yang sah apabila berurusan dengan pembekal dan pelanggan.



Membina kepercayaan dan kesetiaan di kalangan pembekal, pelanggan dan pekerja.



Membolehkan anda memasarkan sepenuhnya jenama dan perniagaan anda di mana-mana tanpa kerisauan terhadap amalan tidak adil pesaing.



Membuka peluang untuk melakukan transaksi perniagaan dengan syarikat besar, dalam dan luar negara.



Membantu anda mengelakkan masalah undang-undang dengan kerajaan dan pihak berkuasa cukai.

JENIS ENTITI PERNIAGAAN

BERIKUT ADALAH JENIS-JENIS ENTITI PERNIAGAAN YANG BOLEH DIDAFTARKAN DI BAWAH SSM:

- Perniagaan milikan tunggal / perkongsian - entiti perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956;
- Syarikat persendirian / syarikat awam - entiti perniagaan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016; dan
- Perkongsian liabiliti terhad - entiti perniagaan yang diperbadankan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 yang menggabungkan ciri-ciri syarikat persendirian dan perkongsian konvensional.

BAGI WARGA ASING, ANDA BOLEH MEMILIH UNTUK:

- Menubuhkan syarikat persendirian / syarikat awam;
- Mendaftar syarikat asing; atau
- Menubuhkan perkongsian liabiliti terhad (PLT).

PAUTAN PENDAFTARAN ENTITI PERNIAGAAN



Perniagaan (Milikan Tunggal / Perkongsian)



Syarikat persendirian / awam (Sdn Bhd / Berhad)



Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)

Maklumat tambahan bagi mendapatkan pelesenan perniagaan boleh didapati dipautan MyGovernment - <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30342>

PANDUAN PENGGUNAAN SSM BUSINESS OWNERSHIP 101

Pelanggan boleh menggunakan panduan SSM Business Ownership 101 Tools untuk membantu anda membuat pilihan entiti perniagaan yang bersesuaian dengan anda.

TATACARA MENGGUNAKAN SSM BUSINESS OWNERSHIP 101 TOOLS:

Langkah 1 :

Pergi ke
www.ssm4u.com.my



Langkah 2 :

Klik ke “SSM Business
Ownership 101 Tools”



Langkah 3 :

Klik butang “Let’s Start”



HUBUNGI SSM



Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Menara SSM@Sentral, No. 7, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur



+603-7721 4000



enquiry@ssm.com.my